



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1584

**AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN
(TATATERTIB) (PINDAAN) 2019**

Tarikh Perkenan Diraja 14 Januari 2019

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 18 Januari 2019

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1584

AKTA INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN (TATATERTIB) (PINDAAN) 2019

Suatu Akta untuk meminda Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2019.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 10

2. Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 [*Akta 174*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 10(2)—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan itu perkataan “atau”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” dengan noktah; dan
- (c) dengan memotong perenggan (c).

Kecualian

3. Semua tindakan tatatertib terhadap mana-mana pelajar Institusi yang berhubungan dengan perkara yang disebut dalam perenggan 10(2)(c) Akta ibu yang belum selesai di hadapan pihak berkuasa tatatertib sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, dihentikan.